

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

|            |               |         |            |
|------------|---------------|---------|------------|
| TARIKH     | 24 / 6 / 2015 | SEKSYEN | Pendidikan |
| MUKA SURAT | 14            | RUANGAN |            |

» Smart English Camp anjuran TH dengan kerjasama BH beri keyakinan 150 pelajar berbahasa Inggeris

Oleh Mohd Nazlilie Zainul  
upen@bh.com.my

► Kota Kinabalu

**S**mart English Camp anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH berlangsung meriah dengan pelbagai pengisian menarik diadakan di Dewan Matakah Perpustakaan Kota Kinabalu, di sini, baru-baru ini.

Program sehari itu adalah lokasi pertama bagi tahun ni sebelum direkut ke lima lokasi lain di Negeri Sembilan, Kedah, PAhang, Melaka dan Selangor.

Dindak lebur tenat dengan Seminar Bimbingan Peperiksaan PT3 di Sandakan, program Smart English Camp itu disertai seramai 150 pelajar sekolah menengah daripada tujuh sekolah sekitar Kota Kinabalu dan daerah berhampiran.

Antara sekolah terabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kinarut, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Dat Mustapha dan SMKA Tun Ahmadshah.

Timbalan Pengarah TH Sabah, Mustafa Kamal Abdul Latif, berkata pengajaran program itu adalah kali kedua di Sabah selepas juhung kalinya diadakan pada tahun lalu.

Mustafa Kamal berkata, selain memberi pendekatan mengenai teknik dan bahasa Inggeris materi, objektif utama Smart English Camp antara lain bertujuan meningkatkan minat menambah dalam kalangan pelajar sekolah.

"Selain daripada syarat bagi pelajar yang berminat menyertai semua program anjuran TH, mereka hendaklah mempunyai akuan TH. Secara tidak langsung, kita dapat menanam tabiat menabung dalam diri anak-anak ketika usia mudah lagi.

"Selain itu, penyertaan pelajar dalam seminar ini dapat mengembangkan lagi kemahiran insaniah mereka seperti berkomunikasi serta membiasakan diri bergaul dengan masyarakat," katanya.

**Konsep santisai**  
Mustafa Kamal berkata, konsep yang diketengahkan sepanjang program itu lebih santisai dengan pengisian pengajaran dalam bentuk permainan dan perbincangan secara berkumpulan.

Beliau berharap lebih banyak pengajuran seminar berunsurkan pendidikan diadakan pada masa akan datang dan bercadang untuk membawa program anjuran TH ke

## Tingkat kemahiran insaniah



Selain itu, penyertaan pelajar dalam seminar ini dapat mengembangkan lagi kemahiran insaniah mereka seperti berkomunikasi dan membiasakan diri bergaul dengan masyarakat."

Mustafa Kamal  
Abdul Latif,  
Timbalan Pengarah  
TH Sabah



Sebahagian daripada murid yang menyertai Smart English Camp anjuran TH dengan kerjasama BH di Dewan Matakah Perpustakaan Kota Kinabalu.

(FOTO MOHD NAZLILIE ZAINUL/BH)



kawasan pedalaman Sabah bagi membantai pelajar luar bandar. Sementara itu guru SMKA Tun Ahmadshah, Inanam, Farisia Assadi, 30, berkata pembabitan pelajarannya dalam Smart English Camp anjuran TH itu memberi pendedahan berbeza berbanding ketika belajar dalam kelas formal di sekolah.

**Lebih berani berkomunikasi**  
"Saya lihat mereka lebih berani berbicara dengan orang asing, mungkin kerana faktor kesadaran bahasa Inggeris dan keberanian bersosialisasi yang turut serta dalam program ini membuatkan mereka lebih berkeyakinan," katanya yang mengingat 35 pelajar sekolah itu.

Seorang peserta, Mohd Shafiee Barahim, 17, berkata panternya dalam seminar itu memberikan lebih kefahaman dan mampu memperbaiki kelemahan dalam bahasa Inggeris sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada hujung tahun ini.

"Seronok menyertai seminar ini kerana saya berpeluang mempelajari teknik menjawab soalan dengan mudah.

"Saya juga dapat bertemu dengan rakan baru dari sekolah lain dan boleh berteruk pada pendapat serta buah fikiran dan memperbaiki kelemahan bahasa Inggeris, sama ada ketika berkomunikasi atau menjawab soalan peperiksaan," kata pelajar Tingkatan Lima, SMKA Tun Datu Mustapha, Papar itu.



Antara aktiviti pada program Smart English Camp anjuran TH dengan kerjasama BH yang berlangsung di Dewan Matakah, Perpustakaan Kota Kinabalu.

(FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH)